

29/07/1999

FAC 99 dijangka tarik 8,000 pelawat

PAMERAN dan Persidangan Francais Asia 1999 (FAC 99), mampu menarik lebih ramai pengunjung dengan unjuran seramai 8,000 pelawat berbanding 3,500 tahun lalu.

Pameran selama tiga hari bermula 15 hingga 17 Oktober itu yang menarik penyertaan 110 syarikat itu akan diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Acara tahunan, anjuran Persatuan Francais Malaysia (MFA) dan Kementerian Pembangunan Usahawan itu, bertujuan mendedahkan kepada orang ramai mengenai pelbagai peluang perniagaan dalam sektor francais.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Idris Jusoh berkata, sambutan yang diterima pada tahun ini amat menggalakkan dengan pengesahan tempahan kira-kira 91.5 peratus daripada 1,300 meter persegi tapak pameran yang disediakan.

Sebanyak 37 syarikat asing berbanding 20 syarikat tahun lalu akan menyertai pameran tahun ini," katanya di sidang akhbar di Kuala Lumpur, semalam.

Di sidang akhbar itu, beliau menerima borang perjanjian penyertaan daripada 30 syarikat dan sumbangan kereta Proton Perdana V6 oleh Edaran Otomobil Nasional Bhd (EON) yang ditawarkan dalam kejohanan golf kebajikan FAC 99. Hadir sama, Pengerusi MFA, Datuk Adzmi Abdul Wahab.

Beliau yang juga Pengerusi Induk Jawatankuasa Penganjur FAC 99 berkata, penganjuran persidangan itu turut mendapat sokongan daripada institusi francais antarabangsa termasuk Majlis Francais Dunia (WFC), Persekutuan Francais Eropah (EFF) dan Persekutuan Francais Asia Pasifik (APFC).

WFC dianggotai oleh 34 persatuan francais dari seluruh dunia dan APFC dianggotai oleh lapan persatuan francais di rantau ini.

Idris berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka akan merasmikan dan menyampaikan ucapan bertajuk Meneroka Peluang Dalam Pasaran Baru Wujud.

Persidangan mengenai francais pula akan diadakan pada 15 dan 16 Oktober ini untuk memberi pengetahuan kepada masyarakat mengenai perniagaan francais dan mengenal pasti strategi untuk merealisasikan hasrat Malaysia sebagai pusat pembangunan perniagaan francais di Asia.

Francais Asia 99 sebelum ini dikenali sebagai Persidangan dan Pameran Francais Malaysia (Mafec) dan pertukaran nama itu dibuat memandangkan nama Francais Asia lebih bersesuaian untuk mencerminkan hasrat dan komitmen Malaysia.

(END)